



03 JUL, 2026

TNB sasar tanam 40,000 pokok

Harian Metro, Malaysia



Manjung: Tenaga Nasional Berhad (TNB) terus memperkukuh komitmennya terhadap agenda kelestarian alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam memacu aspirasi negara mencapai Net Zero 2050 menerusi program penanaman 25,000 pokok bakau di Hutan Paya Bakau Tanjung Burung, Pantai Remis, di sini.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB Datuk Ir Ts Shamsul Ahmad berkata, program di bawah inisiatif My Brighter Green Initiative (MBGI) itu bukan sahaja bertujuan memulihara ekosistem hutan paya bakau malah meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pemuliharaan ekosistem pesisir, biodiversiti dan penglibatan komuniti dalam agenda kelestarian.

"Melalui penanaman pokok bakau ini, kita dapat meningkatkan kapasiti penyerapan karbon, mengurangkan kesan hakisan pantai dan pada masa yang sama

MBGI 2026

TNB sasar tanam 40,000 pokok



SHAMSUL Ahmad (tengah) menanam pokok bakau pada program My Brighter Green Tenaga Nasional Berhad di Tanjung Burung, Manjung.

memulihkan ekosistem yang terletak di kawasan pesisir pantai, termasuk sebagai spesies hidupan seperti ikan dan ketam. Azlan Shah (Janamanjung), "Selain itu, pemuliharaan hutan bakau juga selari dengan kedudukan beberapa stesen jana kuasa TNB katanya semalam.

Turut hadir Timbalan Pengarah (Pembangunan) Jabatan Perhutanan Negeri Perak Azni Rahman A. Wahid, Pengarah Eksekutif Malaysian Nature Society I. S. Shanmugaraj dan Ketua Pega-

wai Kelestarian TNB Leo Pui Yong.

Program itu turut melibatkan penyertaan kira-kira 70 pelajar dan guru dari Sekolah Menengah Agama Rakyat Tarbiyyatul Aijal, Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Idris, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Tit Bin dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Pengkalan Baru, bersama warga kerja TNB, komuniti setempat serta pelbagai agensi dan pihak berkepentingan dalam aktiviti penanaman pokok bakau.

Shamsul berkata keunikan MBGI ialah penglibatan aktif komuniti setempat, pelajar, agensi kerajaan dan kerajaan negeri bagi memupuk kesedaran mengenai kepentingan pemuliharaan alam sekitar dalam kalangan generasi muda.

"Kita mahu generasi muda memahami kepentingan menjaga alam sekitar sejak awal kerana mereka pewaris yang akan mene-

ruskan usaha kelestarian ini pada masa hadapan.

"Dalam pada itu, sebagai peneraju utiliti tenaga negara, TNB tidak hanya mahu dikenali sebagai pembekal elektrik, sebaliknya sebuah organisasi yang turut mengutamakan aspek ESG, pembangunan modal insan, tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan penglibatan komuniti," katanya.

Program berkenaan turut dilaksanakan di lima lokasi lain iaitu Kubang Badak, Langkawi; Tanjung Tuan, Melaka; Jimah, Negeri Sembilan; Nibong Tebal, Pulau Pinang; dan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Selangor.

Melalui MBGI 2026, TNB akan menanam 40,000 pokok di enam lokasi, yang dijangka menyerap 67 tan setara karbon dioksida setahun, bersamaan kira-kira perjalanan sejauh 249,100km oleh sebuah kereta petrol.